

14/08/2002

200 ketua, exco Pemuda sertai kursus

KUALA LUMPUR, Selasa - Kira-kira 200 ketua dan exco Pergerakan Pemuda Umno Malaysia akan menyertai Kursus Perdana Pemuda Perkasa selama tiga hari bermula 1 September ini, di Kem Wira Waja Janda Baik, Pahang, kata ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Beliau berkata, kursus anjuran Biro Latihan Pergerakan Pemuda Umno dan Akademi Pemuda itu disertai semua barisan Exco Pemuda dan Ketua Pemuda Bahagian seluruh Malaysia.

Antara ahli panel yang akan hadir bagi menjayakan program berkenaan ialah Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; ketiga-tiga Naib Presiden Umno, Datuk Seri Najib Tun Razak, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Tan Sri Muhamad Muhd Taib; bekas Ketua Pemuda, Datuk Suhaimi Kamaruddin, Tan Sri Abd Rahim Tamby Chik dan Datuk Zahid Hamidi selain Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Abdul Rashid Abdul Rahman dan pegawai Bahagian Keselamatan Negara.

Hishammuddin berkata, antara objektif kursus itu ialah mengumpulkan pimpinan Pemuda Umno daripada semua peringkat pusat, negeri dan bahagian bagi mengeratkan ukhuwah dan silaturahim, memberi ruang dan peluang kepada pemimpin Pemuda khususnya Pemuda Bahagian yang baru untuk berinteraksi dengan pemimpin tertinggi seterusnya mendapat pendedahan dan pengalaman.

"Kursus ini akan menjadi saluran kepada pemimpin Pemuda Umno merangka strategi dan pendekatan yang akan digunakan dalam memantapkan lagi jentera Pemuda seluruh peringkat," katanya.

Beliau berkata, Pemuda menetapkan tiga matlamat utama menerusi penganjuran program itu iaitu meningkatkan kesedaran dan kefahaman pemimpin Pemuda, menggilap semangat dan daya juang serta mendapatkan persefahaman berkenaan permasalahan Pemuda dan mencari jalan penyelesaian bagi menghadapi pilihan raya umum ke-11, kelak.